

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)**

AKHBAR : HARIAN METRO
TARIKH : 15 JULAI 2016



AHMAD Zaharin (kiri) menyampaikan surat tawaran kontrak kepada kontraktor yang dilantik.

Shah Alam: Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), menambahbaik perkhidmatan kutipan sampah domestik dalam kawasan pentadbirannya mulai awal bulan ini seiring dengan pembaharuan kontrak perkhidmatan itu bagi 2016 hingga 2019.

Penambahbaikan itu dikatakan mampu menangani aduan yang dibuat penduduk mengenai jadual kutipan sampah yang didakwa tidak teratur sebelum ini.

Datuk Bandar Shah Alam Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad berkata, penambahbaikan kontrak yang baru itu antara lain memabatkan kekerapan kutipan bagi rumah jenis bertanah daripada tiga kali seminggu kepada empat kali mengambil kira kutipan pada

MBSA tambah baik kutipan sampah

hujung minggu.

"Bagi mengatasi masalah pembuangan sampah haram, kerja kutipan sisa domestik di premis seperti industri teres, berkembar dan hotel juga akan dilaksanakan dengan kekerapan kutipan lima kali seminggu.

"Selain itu, menerusi kontrak kali ini, pihak kontraktor perlu menyediakan bilangan lori kompaktor mengikut bilangan dan spesifikasi yang ditetapkan dan pada masa sama, ia juga perlu dipasang dengan alat Automatic Vehicle Locating System (AVLS) bagi memudahkan pemantauan perge-

rakan lori berkenaan," katanya.

Ahmad Zaharin berkata demikian pada sidang media selepas menyerahkan surat tawaran kontrak kepada 24 kontraktor baru yang akan membuat kerja kutipan sampah sisa domestik di 25 zon dalam kawasan pentadbiran MBSA.

Menurutnya, MBSA juga melaksanakan penilaian prestasi setiap kontraktor berdasarkan skala Notis Tindakan Pembedulan (NTP), bertujuan memastikan setiap kontraktor dilantik memenuhi standard dan piawaian ditetapkan.